

Ribuan penyokong BN, PAS memenuhi Kompleks Rakan Muda Besut
Malaysian Insider
July 12 , 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

Ribuan penyokong Barisan Nasional (BN) dan PAS memenuhi kawasan penamaan calon di Kompleks Rakan Muda Besut pagi ini, untuk memberikan sokongan kepada calon mereka bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut.

Penyokong yang mula memenuhi kawasan perkarangan kompleks berkenaan sejak awal pagi dilihat membawa bendera parti. Malah, gerai jualan turut didirikan di kawasan penyokong PAS.

Calon PAS, Endut@Azlan Yusof diiringi penyokongnya kelihatan memasuki kawasan penamaan calon sekitar jam 9 pagi, diikuti calon BN 20 minit kemudian. Calon PAS, Che Long (berbaju hijau) diiringi Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang

Antara kepimpinan tertinggi PAS yang hadir ialah Mursyidul Am, Datuk Nik Aziz Nik Mat; Pengarah Pilihan Raya PAS DUN Kuala Besut, Datuk Husam Musa; Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang; Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar; manakala bagi wakil DAP kelihatan Lim Kit Siang, dan Mohamed Azmin Ali mewakili PKR.

Husam ketika ditemui pemberita mengharapkan PAS akan memenangi kerusi yang menjadi milik BN sebelum ini kerana kedudukan kerusi yang sama akan memberi keuntungan kepada penduduk Kuala Besut.

BN memenangi 17 kerusi, manakala Pakatan Rakyat (PR) memenangi 15 kerusi di Terengganu ketika Pilihan Raya 2013 lalu.

"Kedudukan 16:16 akan menguntungkan rakyat, kalau BN menang tiada faedah, kalau sama rakyat Terengganu akan dapat faedah yang lebih besar," kata Husam ketika ditemui pemberita di perkarangan kompleks belia. - 12 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ribuan-penyokong-bn-pas-memenuhi-kompleks-rakan-muda-besut/>